Shamsudin bin Shafie lwn Lim A Kau

MAHKAMAH TINGGI (ALOR SETAR) — RAYUAN SIVIL NO 12–18 TAHUN 2001
BALIA YUSOF PK
27 MEI 2002

Ganti Rugi (Kecederaan atau Kematian) — *Kecederaan kediri — Kehilangan mata pencarian masa hadapan — Kontingencsi, jatuh bangun dalam kehidupan dan bayaran tambahan tidak dipotong daripad kehilangan mata pencarian masa hadapan — Sama ada hakim perbicaraan terkhilaf*

Ini adalah satu rayuan yang dimulakan oleh defendan terhadap kuantum ganti rugi yang diawardkan oleh hakim perbicaraan atas nama plaintif, khususnya, ganti rugi am sebanyak RM31,000 dan kehilangan pendapatan masa depan sebanyak RM30,000. Defendan telah didapati bertanggungjawab sepenuhnya bagi kemalangan antara beliau sendiri dan plaintif. Akibat kemalangan tersebut, plaintif, yang bekerja sebagai pemandu lori sebelum kemalangan tersebut, kini hanya boleh memandu sebuah van. Akibatnya, plaintif memperoleh pendapatan yang kurang berbanding dengan situasi sebelum kemalangan tersebut. Hakim perbicaraan membuat keputusan bahawa perbezaan dalam pendapatan plaintif akibatnya adalah sebanyak RM500 sebulan dan dengan menggunakan pendarab lima tahun, hakim perbicaraan telah memperhitungkan kehilangan pendapatan masa depan sebagai RM30,000.

Diputuskan, membenarkan rayuan berhubung dengan ganti rugi yang diberikan kerana kehilangan pendapatan masa depan:

(1) Persoalan untuk ditentukan adalah sama ada jumlah yang diawardkan oleh hakim perbicaraan adalah keterlaluan hingga menjadi sesungguhnya tidak berpatutan dan salah sama sekali (lihat ms 331B–C).

(2) Dalam kes semasa, hakim perbicaraan telah mengawardkan satu jumlah sebanyak RM25,000 untuk kecederaan pada tangan plaintif. Jumlah sebanyak RM6,000 untuk kecederaan kepada kaki kiri merupakan satu jumlah yang disetujui antara pihak-pihak tersebut. Jumlah-jumlah yang diawardkan oleh hakim perbicaraan adalah wajar dan bukannya di luar kecenderungan yang tetap. Oleh yang demikian, mahkamah ini adalah tidak cenderung untuk mengganggu taksiran ganti rugi am yang dicapai oleh hakim perbicaraan tersebut (lihat ms 332C–E).

(3) Selepas mendengar keterangan yang dikemukakan, hakim perbicaraan telah menetapkan satu jumlah sebanyak RM10 sebagai perbelanjaan plaintif dan menimbangkan latar belakang plaintif, ini adalah satu jumlah yang berpatutan. Walau bagaimana pun, hakim perbicaraan telah terasalah pertimbangan iaitu beliau telah gagal untuk menolak satu per tiga dari kehilangan pendapatan masa depan bagi luar jangkaan, lain-lain

perubahan kehidupan dan pembayaran dicepatkan. Sehubungan itu, Sehubungan itu, kehilangan pendapatan masa depan yang harus diawardkan kepada plaintif telah dikurangkan sebanyak RM10,000 (yang mewalikili satu per tiga dari RM30,000) (lihat ms 333A–B, 335B–C).

[English summary

This was an appeal brought by the defendant against the quantum of damages awarded by the trial judge in favour of the plaintiff, specifically, general damages of RM31,000 and loss of future earnings of RM30,000. The defendant was found wholly liable for the accident between himself and the plaintiff. As a result of the accident, the plaintiff, who worked as a lorry driver before the accident, could only now drive a van. Consequently, the plaintiff earned lesser income as compared to the situation before the accident. The trial judge made a finding that the difference in the plaintiff's income as a result thereof was RM500 per month and using a multiplier of five years, the trial judge quantified the loss of future earnings as RM30,000.

Held, allowing the appeal in respect of the damages awarded for loss of future earnings:

(1) The question to be determined was whether the amount awarded by the trial judge was so excessive as to be plainly unreasonable or wholly erroneous (see p 331B–C).

(2) In the instant case, the trial judge had awarded a sum of RM25,000 for the injury to the plaintiff's hand. The sum of RM6,000 for the injury to the left leg was an amount agreed to between the parties. The amounts awarded by the trial judge were reasonable and were not outside the established trends. As such, this court was not minded to interfere with the assessment of general damages arrived at by the trial judge (see p 332C–E).

(3) After hearing the evidence adduced, the trial judge had fixed a sum of RM10 as the plaintiff's expenses and considering the plaintiff's background, this was a reasonable amount. However, the trial judge erred in that he failed to deduct one-third of the loss of future earnings for contingencies, other vicissitudes of life and accelerated payment. Accordingly, the loss of future earnings that should be awarded to the plaintiff was reduced by RM10,000 (representing one-third of the sum of RM30,000) (see pp 333A–B, 335B–C).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kehilangan mata pencarian masa hadapan, lihat 6 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1997 Reissue) perenggan-perenggan 596–608.

Kes-kes yang dirujuk

Chan Chin Ming & Anor v Lim Yoke Eng [1994] 3 MLJ 233 (dirujuk)
Greenfield v London and North Eastern Railway Co [1945] KB 354 (dirujuk)
Hang Jong Juan v Tan Yeo Soon [1986] 2 MLJ 5 (dirujuk)
Jasi Alam v Nohya bin Mustar [1975] 1 MLJ 166 (dirujuk)
Lian Hock Seng & Anor v Sakkarai Mookiah & Anor [1997] 2 CLJ Supp 341 (dibeza)
Mahamad bin Mahamad Said & Anor v Perianayagam & Anor [1972] 1 MLJ 67 (dirujuk)
Ngooi Ku Siong & Anor v Aidi Abdullah [1985] 1 MLJ 30 (dirujuk)
PR Panickar v Chwee May Kwong & Anor [1956] MLJ 136 (dirujuk)
Rodacanachi v Mibburn Bros [1887] 18 QBD 67 (dirujuk)
Takong Tabari v Government of Sarawak [1984] 4 MLJ 512 (dirujuk)
Tan Cheong Poh & Anor v Teoh Ah Keow [1995] 3 MLJ 89 (dirujuk)
Tan Kim Chuan & Anor v Chandu Nair [1991] 2 MLJ 42 (dibeza)
Tay Cheng Gow v Elias bin Abdul Ghani (Civil Appeal No R2–12–118 of 1997) (unreported) (dirujuk)
Teay Cheng Gow v Elias bin Abdul Ghani Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Bahagian Rayuan dan Kuasa-Kuasa Khas, Rayuan Sivil No R2–12–118–97 (dirujuk)
Topaiwah v Salleh [1968] 1 MLJ 284 (dirujuk)
Wilson v Pilley [1957] 3 All ER 526 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Undang-Undang Sivil 1956 ss 7(3)(iv)(d), 28A(2)(d)

VK Dasaratharaj (*VP Nathan & Partners*) bagi pihak perayu.
Visvanathan (*NM Tiong & Co*) bagi pihak responden.

Balia Yusof PK: Rayuan ini adalah dikemukakan terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen (selepas ini akan disebut sebagai hakim perbicaraan) yang dibuat pada 15 Februari 2001 dimana perayu/defendan telah didapati bertanggungiawab 100% di atas kemalangan yang menyebabkan kecederaan yang dialami oleh responden/plaintif.

Di atas keputusan tersebut, hakim perbicaraan telah mengawardkan ganti rugi seperti berikut:

(1) ganti rugi am RM31,000;
(2) ganti rugi khas RM14,400;
(3) kehilangan pendapatan masa depan RM30,000;
(4) faedah dan kos.

Isu yang dibangkitkan di dalam rayuan ini adalah semata-mata bersabit dengan isu kuantum kerugian yang diawardkan oleh hakim perbicaraan di bawah butiran (a) dan (c).

Pendengaran hujah-hujah bagi kedua-dua pihak telah dibuat pada 5 Mac 2002 dan telah ditangguhkan ke hari ini untuk keputusan.

Hujah-hujah pihak perayu

- Perayu telah mengemukakan beberapa alasan bagi mencabar setiap jenis award yang diberikan oleh hakim perbicaraan. Mengenai ganti rugi am sebanyak RM31,000 amaun tersebut adalah terlalu tinggi dan bercanggah dengan prinsip undang-undang. Jumlah ini adalah diawardkan untuk kesakitan dan kesengsaraan dan kehilangan ameniti. Jumlah in terbahagi kepada RM25,000 untuk kecederaan tangan kiri (Barton's fracture) dan RM6,000 untuk kecederaan jari kaki kiri.
- Hakim perbicaraan gagal mengambil kira tentang isu pertindihan dan mencadangkan 10% dikurangkan daripada jumlah award kerana prinsip pertindihan.
- Hakim perbicaraan telah tersilap dalam menentukan RM10 sebagai perbelanjaan harian dan ini adalah bercanggah dengan keterangan yang ada dan pengakuan yang diberi oleh responden/plaintif sebanyak RM28.
- Mengenai tuntutan kehilangan pendapatan masa hadapan perayu menghujahkan bahawa hakim perbicaraan telah tersilap dalam mengawardkan amaun kerana keterangan menunjukkan bahawa kehilangan pendapatan bukanlah kerana ketidakupayaan responden/plaintif tetapi disebabkan oleh keadaan ekonomi meleset. Secara alternatifnya perayu juga menghujahkan bahawa hakim perbicaraan telah gagal di dalam menentukan amaun tersebut, membuat pengurangan sebanyak $^1/_3$ dari jumlah yang dikira mengikut amalan undang-undang yang sedia terpakai.

Hujah-hujah pihak responden

- Bagi ganti rugi am sebanyak RM31,000 yang diawardkan prinsip pertindihan adalah tidak terpakai.
- Award RM25,000 bagi Barton's fracture tersebut adalah tidak terlalu berlebihan atau bercanggah dengan rupa bentuk serta tahap kecederaan yang dialami oleh responden.
- Jumlah RM6,000 bagi kecederaan ibu jari kaki telah dipersetujui oleh pihak-pihak dan tidak boleh timbul isu terlalu berlebihan dan pertindihan.
- Perbelanjaan sara hidup — terdapat keterangan yang membolehkan hakim perbicaraan mencapai keputusan dalam menentukan amaun. Mahkamah mempunyai kuasa menentukan perkara ini walaupun tiada keterangan. Di dalam kes ini ada keterangan yang membolehkan mahkamah untuk buat perkiraan yang munasabah.
- Kehilangan pendapatan masa hadapan — terdapat keterangan yang mencukupi dari majikan responden dan responden sendiri mengenai ketidakupayaan dan kekurangan pendapatan responden selepas kemalangan.

Keputusan

Prinsip undang-undang yang terpakai bagi kes rayuan terhadap kuantum kerugian yang diputuskan oleh mahkamah perbicaraan adalah jelas dan keadaan yang membolehkan Mahkamah Rayuan campurtangan adalah terhad seperti kata Lord Evershed MR di dalam kes *Wilson & Pilley* [1957] 3 All ER 525 di m s 526:

> ... interference by this Court with an award of damages by the trial Judge must be a rare thing, and may I say that it should be perhaps even rarer in relatively small cases tried in the county Court. No one would suggest that, because this Court thought that the damages, small in any case, were rather on the low side, this Court could consider for a moment slightly raising the figure or adopting the converse course in a different kind of case. In other words, the onus on an appellant seeking to interfere with an award of damages, particularly within this sort of scale, is a heavy one.

Kata-kata tersebut telah diulangi dan diikuti oleh mahkamah di rantau ini dimana Wee Chong Jin H dalam kes *Hang Jong Juan v Tan Yeo Soon* [1986] 2 MLJ 5 di ms 6 menyarankan seperti berikut:

> In an appeal against the quantum of damages, it is settled law that the onus on the appellant is a heavy one and it must be established plainly that the trial judge's award was a wholly erroneous estimate.

Dalam menentukan jumlah sebanyak RM25,000 dan RM6,000 untuk kedua-dua kecederaan yang dialami oleh responden di dalam rayuan ini, hakim perbicaraan telah meneliti Laporan Perubatan dan kedua-dua pakar yang bersetuju dengan kesan-kesan sampingan akibat dari kecederaan yang dialami. Pada ms 70–72 rekod rayuan, hakim perbicaraan berkenaan telah merumuskan bahawa kecederaan yang dialami oleh responden adalah serius dan meninggalkan kesan sampingan yang besar. Beliau telah menetapkan RM25,000 sebagai ganti rugi yang munasabah. Ini dibuat setelah mengambil kira dan merujuk kepada autoriti-autoriti lampau yang telah dikemukakan kepada mahkamah. Pendekatan yang dibuat oleh hakim perbicaraan berkenaan adalah menepati prinsip dan amalan yang terpakai di dalam hal seumpamanya seperti kata Azmi CJ di dalam kes *Topaiwah v Salleh* [1968] 1 MLJ 284 pada ms 285:

> ... So far as this Court is concerned we should, to paraphrase Greer LJ in *Flint v Lovell* be disinclined to reverse the finding of a trial judge as to the amount of damages merely because we think that if we had tried the case in the first instance we would have given a lesser sum. To justify reversing him, we should be convinced that he acted upon some wrong principle of law, or that the amount awarded was so extremely high or so very small as to make it an entirely erroneous estimate of the damage. The assessments which the courts have made over the years form some guide to the kind of figure which is proper and which the appellate Court will follow in the light of the special facts of each particular case.

Isu sama ada sesuatu amaun yang diawardkan tersebut adalah terlalu rendah atau terlalu tinggi tidaklah boleh dijadikan alasan semata-mata dan tidak harus menjadi persoalan. Telah diputuskan di dalam kes *Greenfield v London and North Eastern Railway Company* [1945] KB 354:

A

> The principle on which the Court of Appeal reviews the assessment of damages, whether too high or too low, is not because the Court of Appeal might have given rather more or rather less, but only (1) if the Judge has omitted some relevant consideration or admitted some irrelevant consideration, or (2) if the amount is so excessive, or insufficient, as to be plainly unreasonable.

B

Persoalan yang harus ditentukan oleh mahkamah ini ialah adakah amaun tersebut 'so excessive as to be plainly unreasonable' ataupun hakim perbicaraan telah membuat suatu anggaran yang 'wholly erroneous'. Ataupun hakim perbicaraan telah gagal untuk mengambilkira perkara-perkara yang beliau sepatutnya mengambil kira ataupun juga beliau telah C mengambil kira perkara-perkara yang tidak seharusnya diambil kira di dalam menentukan ganti rugi yang diawardkan kepada responden di dalam kes ini. Dari keterangan-keterangan yang ada dan setelah meneliti rekod-rekod rayuan, mahkamah ini tidak berpuas hati bahawa perayu telah berjaya untuk menunjukkan hakim perbicaraan telah melanggari prinsip-prinsip yang disebutkan. Adalah tidak memadai bagi perayu hanya dengan D mengatakan award tersebut adalah terlalu berlebihan tanpa mengemukakan bukti-bukti dan fakta-fakta lanjut bagi menyokong hujahan tersebut. Dalam pada itu haruslah diingatkan juga bahawa seperti kata-kata Lindley LJ di dalam *Rodocanachi v Mibburn Brothers* [1887] 18 QBD 67 pada ms 68:

> E It must be remembered that the rules as to damages can in a nature of things only be approximately just, and that they have to be worked out, not by mathematicians, but by juries.

Mengenai ganti rugi sebanyak RM6,000 bagi kecederaan pada jari kaki, keterangan dari rekod rayuan menunjukkan bahawa jumlah tersebut adalah merupakan amaun yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Kedua-F dua pihak telah mencadangkan amaun tersebut kepada mahkamah dan hakim perbicaraan telah bersetuju dengan cadangan tersebut. Ini terbukti dari hujah bertulis kedua-dua pihak perayu dan responden di hadapan hakim perbicaraan tersebut (ms 90 dan 91 Rekod Rayuan.)

Berganjak kepada isu pertindihan, pihak perayu menghujahkan bahawa hakim perbicaraan hendaklah menolak daripada jumlah ganti rugi tersebut G suatu amaun bagi menepati kehendak prinsip ini dan beliau telah mencadangkan sebanyak 10% ditolak dari amaun yang telah diawardkan kepada responden. Memang telah menjadi amalan mahkamah-mahkamah di negara ini bahawa di dalam menentukan amaun ganti rugi di dalam kes-kes kecederaan yang melibatkan pelbagai kecederaan, prinsip pertindihan H ini akan kenakan. (*Ngooi Ku Siong & Anor v Aidi Abdullah* [1985] 1 MLJ 30, *Jasi Alam v Nohya bin Mustar & Anor* [1975] 1 MLJ 166, *Tan Cheong Poh v Teoh Ah Keow* [1995] 3 MLJ 89). Seperti kata Suffian FJ (ketika itu) di dalam kes *Mahamad bin Mahamad Said & Anor v Perianayagam & Anor* [1972] 1 MLJ 67 di ms 68:

I

> With respect we do not think the learned judge should have taken compensation for each of the injuries suffered by the plaintiff separately and then just add them up at the end. The item are not separate heads of compensation. They are only aids at arriving at a fair and reasonable

> compensation. See *Fletcher v Autocar Transporters Ltd* [1968] 1 All ER 726 at page 733. There is an element of overlapping when two or more injuries are suffered simultaneously.

Seterusnya, saya juga bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Arif VC George HMR di dalam kes *Tan Cheong Poh & Anor v Teoh Ah Keow* di ms 98 bahawa:

> Unless there is a distinct remoteness between the disabilities and pain and suffering arising from different injuries, eg an injury to the genitals in a man resulting in impotency, and say a fractured jaw resulting in difficulty in masticating food, the approach in respect of assessing the damages for pain and suffering and loss of amenities should be towards awarding one lump sum.

Merujuk kepada kecederaan yang dialami oleh responden di dalam kes ini, bagi kecederaan pada tangan (Barton's fracture) hakim perbicaraan telah mengawardkan RM25,000 sebagai ganti rugi dan ini telah dibuat setelah hakim perbicaraan berkenaan menimbangkan keterangan serta hujah kedua-dua pihak dan setelah mengambil kira autoriti-autoriti yang dikemukakan di hadapan beliau bagi membantu beliau membuat perbandingan dan perkiraan yang munasabah untuk kecederaan tersebut. Manakala bagi kecederaan pada kaki kiri itu pula, jumlah yang diawardkan sebanyak RM6,000 adalah merupakan suatu amaun yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Adalah tidak wajar bagi pihak perayu untuk mengungkil semula perkara ini. Tiada timbul goal pertindihan di dalam kes ini. Saya mendapati bahawa kedua-dua jumlah ini adalah munasabah dan tidak terkeluar dari trend kes-kes perbandingan yang munasabah dan yang seumpamanya. Di dalam hal demikian, mahkamah ini adalah tidak berkompeten untuk campur tangan dalam perkiraan penentuan ganti rugi yang telah dibuat oleh hakim perbicaraan yang bijaksana berkenaan. Memetik kata-kata Suffian HP (ketika itu) sekali lagi di dalam kes *Mahamad b Mahamad Said & Anor v Perianayagam & Anor* pada muka surat yang sama:

> As regards the quantum, we are of the opinion that the award of general damages in this case was so out of line with the trend in reasonably comparable cases that we have looked at, that it is competent for this Court to interfere with it, and we would accordingly reduce the general damages from $9000 to $6000.

Di dalam kes di hadapan saya, mahkamah ini berpendapat sebaliknya dan tidak bercadang untuk menyentuh jumlah ganti rugi yang diawardkan di bawah butiran ini.

Di dalam hujah perayu mengenai perbelanjaan sara hidup suatu amaun berdasarkan perkiraan perayu sendiri telah dikemukakan ke mahkamah ini bagi menggantikan amaun yang telah diawardkan oleh hakim perbicaraan. Di dalam alasan penghakimannya hakim perbicaraan telah menetapkan RM10 sehari sebagai perbelanjaan harian responden yang mengikut hujahan perayu adalah tidak disokong oleh keterangan. SP3 iaitu responden/plaintif sendiri di dalam keterangannya semasa disoal balas menyatakan bahawa beliau belanja RM8 sehari tak termasuk minyak

motosikal. Dalam masa yang sama juga beliau menyatakan persetujuannya dengan cadangan peguam pihak perayu bahawa beliau membelanjakan RM20 sehari. Hakim perbicaraan di dalam penghakimannya menerima dan menetapkan RM10 sehari sebagai perbelanjaan harian. Setelah diteliti keterangan-keterangan tersebut serta fakta dan kedudukan kes pada keseluruhannya, mahkamah ini mendapati RM10 sehari seperti yang diputuskan oleh hakim perbicaraan tersebut adalah suatu amaun yang munasabah setelah diambil kira kedudukan serta latar belakang responden. Bagi seseorang yang berkedudukan seperti responden di dalam kes ini, jumlah RM10 sehari sebagai perbelanjaan hariannya adalah sangat munasabah. Sebaliknya, RM20 yang dicadangkan kepada beliau semasa soal balas itu adalah pada pandangan mahkamah ini agak terlalu tinggi. Jumlah RM10 ini bukanlah merupakan suatu jumlah yang direka oleh hakim perbicaraan tetapi adalah diperolehi dari keterangan yang dikemukakan kepadanya. Malahan di dalam kes *PR Panickar v Chwee May Kwong & Anor* [1956] MLJ 136, Mahkamah Rayuan telah membuat penetapan sebanyak RM50 sebulan sebagai perbelanjaan sara hidup harian dari jumlah pendapatan RM200 sebulan di dalam keadaan di mana tiada sebarang butiran dan keterangan telah dikemukakan berkaitan perbelanjaan sara hidup harian simati. Manakala di dalam kes di hadapan saya ini terdapat keterangan yang cukup mengenai perkara tersebut bagi membolehkan hakim perbicaraan untuk membuat penemuan dan keputusan.

Di atas sebab-sebab tersebut, mahkamah ini berpendapat tiada terdapat sebab yang konkrit untuk mahkamah ini campur tangan di dalam perkiraan yang telah dibuat oleh hakim perbicaraan berhubung dengan ganti rugi di bawah butiran ini.

Berkaitan dengan ganti rugi bagi kehilangan pendapatan masa hadapan, hakim perbicaraan telah membuat penemuan bahawa melalui keterangan daripada majikannya, responden telah mengalami kekurangan pendapatan berbanding dengan semasa sebelum kemalangan berlaku. Mengikut keterangan di hadapan mahkamah, responden yang dahulunya bekerja sebagai pemandu lori sepuluh tan kini hanya mampu dan layak untuk membawa pick-up van disebabkan kecederaan kepada tangannya. Pada pandangan mahkamah ini, penemuan ini bukanlah merupakan penemuan yang salah malah adalah disokong oleh keterangan dari responden sendiri (SP3) dan juga dari majikannya (SP2). Dalam pada itu, SP2 juga memberikan keterangan yang sama serta tidak bersetuju dengan cadangan oleh peguam perayu bahawa responden tidak akan diambil bekeija semula jika responden kembali sebelum dari 1 tahun selepas kemalangan walaupun pada masa itu keadaan ekonomi berada dalam kemelesetan. Seterusnya terdapat keterangan yang cukup juga bagi membuktikan bahawa selepas kemalangan, pendapatan responden telah berkurangan dan hakim perbicaraan telah mendapat perbezaan yang ketara iaitu sebanyak RM500 sebulan. Dengan menggunakan multiplier sebanyak 5 tahun hakim perbicaraan telah memberikan ganti rugi di bawah butiran ini sebanyak RM30,000 tanpa apa-apa faedah. Di atas jumlah RM30,000 ini adalah dihujahkan oleh perayu bahawa daripada jumlah tersebut

seharusnya ditolak, mengikut amalan sebanyak $^1/_3$ berhubung dengan apa yang digelar 'contingencies, other vicissitudes of life and accelerated payment'. Bagi menyokong hujahan tersebut perayu telah merujuk kepada kes *Teay Cheng Gow v Elias b Abdul Ghani* (Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Bahagian Rayuan dan Kuasa-Kuasa Khas, Rayuan Sivil No R2–12–118–97) di mana KC Vohrah H telah memutuskan bahawa berdasarkan kepada prinsip stare decisis, Mahkamah Tinggi adalah terikat dengan keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Agung di dalam kes *Chan Chin Ming & Anor v Lim Yoke Eng* [1994] 3 MLJ 233 dan diikuti oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes *Takong Tabari v Government of Sarawak* [1984] 4 MLJ 512. Di dalam kes tersebut KC Vohrah H menyatakan:

> Notwithstanding a powerful and compelling dissenting judgment the view of the majority in *Chan Chin Ming* and the judgment of the Court of Appeal in *Takong Tabari* have, on the basis of stare decisis, to prevail and whatever interpretation accorded to s 7(3)(iv)(d) must on the basis of consistency be applied to s 28A(2)(d) and it would appear that the Judge of the Sessions Court erred in not taking into account contingencies, vicissitudes of life and accelerated payment which should be usual $^1/_3$ off from the plaintiff's loss of earnings for 14 years which was calculated at RM50,400. In the circumstances then shall be deducted from the amount of RM16,800 which leaves a sum of RM33,600 as damages for future earnings.

Di dalam kes tersebut,

KC Vohrah H berkenan telah merujuk kepada s 7(3)(iv)(d) dan 28A(2)(d) Civil Law Act 1956 dan menyatakan:

> ... and whatever interpretation accorded to s 7(3)(iv)(d) must on the basis of consistently, be applied to s 28A(2)(d) ... .

Saranan ini adalah dibuat setelah diperbandingkan kedua-dua seksyen berkenaan dan mendapati bahawa kedua-dua seksyen berkenaan adalah bersamaan.

Peguam responden telah menghujahkan di hadapan saya bahawa bagi kes-kes tuntutan di bawah s 28A(2)(d) potongan sebanyak $^1/_3$ berhubung dengan 'contingencies, other vicissitudes of life and accelerated payment' tidak seharusnya dikenakan dan bagi maksud tersebut beliau telah merujuk kepada kes-kes *Tan Kim Chuan & Anor v Chandu Nair* [1991] 2 MLJ 42 dan *Lian Hock Seng & Anor v Sakkarai Mookiah & Anor* [1997] 2 CLJ Supp 341.

Dengan hormatnya, saya berpandangan bahawa kes *Tan Kim Chuan & Anor v Chandu Nair & Anor* adalah tidak terpakai bagi menyokong hujahan pihak responden di dalam kes ini. Apa yang diputuskan di dalam kes tersebut adalah semata-mata berhubung dengan prinsip bahawa di dalam mengawardkan apa-apa ganti rugi di bawah s 28A bagi kehilangan pendapatan masa hadapan atau kehilangan keupayaan pendapatan, hendaklah dibuktikan terlebih dahulu bahawa perayu berkenaan sememangnya ada menerima pendapatan dari hasil kerjanya sendiri sebelum kecederaan menimpanya. Di dalam kes berkenaan, tidak terdapat sebarang bukti yang menunjukkan bahawa perayu berkenaan ada menerima

atau mempunyai apa-apa pendapatan pada masa kemalangan tersebut. Manakala bagi kes *Lian Hock Seng & Anor v Sakkarai Mookiah & Anor* pula ianya adalah berhubung dengan tuntutan yang dibuat di bawah s 7(3)(iv)(d) Akta Undang-Undang Sivil 1956 dan boleh dibezakan dengan tuntutan yang dibuat oleh perayu didalam kes rayuan di hadapan saya sekarang.

Seperti yang diputuskan oleh KC Vohrah H, mahkamah ini dan juga mahkamah-mahkamah bawahan yang lainnya adalah terikat dengan prinsip stare decisis dan dengan yang demikian adalah terikat dengan keputusan mahkamah atasan seperti yang disebutkan sebentar tadi. Sehubungan dengan itu dan di atas alasan yang sama seperti yang dikatakan oleh KC Vohrah H, adalah diputuskan bahawa hakim perbicaraan di dalam rayuan ini telah tersilap di atas kegagalan beliau untuk membuat potongan sebanyak $^1/_3$ daripada jumlah ganti rugi di bawah butiran kehilangan pendapatan masa hadapan sebanyak RM30,000 yang diawardkan kepada responden. Berikutan dengan itu, perintah hakim perbicaraan berhubung dengan butiran ini adalah dipinda dengan ditolak sebanyak RM10,000 yang merupakan $^1/_3$ daripada jumlah RM30,000 yang telah diawardkan, menjadikan jumlah ganti rugi di bawah butiran tersebut sebanyak RM20,000.

Pada kesimpulannya, rayuan yang dikemukakan olen perayu di dalam kes ini adalah dibenarkan pada sebahagiannya di bawah butiran ganti rugi kehilangan pendapatan masa hadapan dengan separuh kos.

Rayuan dibenarkan.

Dilaporkan oleh Lim Lee Na